

17 MAY 2002

MIC-AGM/I

AGM MIC KALI INI MENYAKSIKAN KELAINAN

Oleh: S. Retnanathan

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perhimpunan agung tahunan MIC selama dua yang akan berlangsung di bangunan setiausaha kerajaan negeri Selangor mulai esok, bakal menyaksikan kelainan.

Selain berbeza daripada perhimpunan agung sebelum ini, mesyuarat itu dijangka membuat pindaan penting kepada perlembagaan parti yang membolehkan mana-mana 4,500 pengerusi cawangan bertanding menentang presiden MIC.

Edisi ke-56 perhimpunan itu kali ini tidak akan dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi ucapan aluan setiausaha agung parti S. Sothinathan.

Ini diikuti agenda mendapatkan kelulusan 1,500 perwakilan, yang terdiri daripada pemimpin peringkat bahagian, untuk meminda Seksyen 58 Perlembagaan MIC yang akan membolehkan presiden dipilih oleh pengerusi cawangan.

Peruntukan ini membolehkan pengerusi cawangan yang sudah menjadi anggota parti selama 10 tahun atau lebih, mendapat sekurang-kurangnya 50 pencalonan (satu pencalonan mesti ditandatangani oleh enam pengerusi cawangan).

Pindaan itu yang akan dibentangkan oleh pengerusi jawatankuasa pindaan perlembagaan MIC, Tan Sri M. Mahalingam, dijangka diluluskan, tetapi pastinya akan dibahaskan oleh para perwakilan.

Ini kerana pemimpin bahagian merasakan pindaan itu mengancam kuasa yang mereka miliki sekarang - kuasa penuh untuk memilih pemimpin kebangsaan.

"Dengan pindaan itu, mereka (pemimpin bahagian) akan hilang kuasa untuk memilih presiden...timbul rasa tidak puas hati antara mereka tetapi saya tidak pasti mereka akan menentanginya bulat-bulat tetapi pastinya mereka akan bercakap mengenainya," kata seorang pemimpin MIC yang tidak mahu dikenali.

Agenda kedua hari pertama perhimpunan itu ialah membentangkan 11 resolusi yang menggesa kerajaan mengkaji pelbagai aspek yang membabitkan masyarakat kaum India di negara ini.

Resolusi itu akan menyentuh penambahan pemilikan ekuiti dalam pembahagian ekonomi negara, menggesa kerajaan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor awam kepada kaum itu, mahu kerajaan memuktamadkan gaji tetap untuk pekerja ladang, lebih banyak perumahan untuk keluarga berpendapatan rendah, serta membasmi penyakit sosial di kalangan masyarakat terbabit.

Resolusi juga bertumpu kepada tahap pendidikan di kalangan masyarakat kaum itu serta isu terbaru mengenai berkurangnya kemasukan kaum India ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

Walaupun sebahagian daripada resolusi itu sudah diterima pakai pada tahun lepas, perbahasan mengenainya diterima, kata seorang pemimpin bahagian parti itu.

Ada kemungkinan satu resolusi tergepar dibentangkan dan jika dibangkitkan, ia dijangka menyentuh mengenai sistem berasaskan merit dalam pengambilan pelajar ke IPTA.

Pada hari kedua, perhimpunan itu akan mendengar ucapan perasmian Dr Mahathir. MIC menangguhkan majlis perasmian kepada hari kedua bagi menyesuaikan jadual Perdana Menteri yang baru pulang dari lawatan ke Amerika Syarikat.

Presiden parti, Datuk Seri S. Samy Vellu kemudiannya akan menyampaikan ucapan presiden yang dijangka menyentuh mengenai pendidikan, globalisasi, k-ekonomi, pekerja ladang, masalah sosial yang membelenggu kaum itu,

keusahawanan dan peluang-peluang perniagaan.

Kedua-dua ucapan itu dijangka mengisi masa sepanjang pagi Ahad dan selepas jamuan tengah hari, perwakilan akan membahaskan ucapan presiden.

Walaupun AGM MIC kali ini tidak banyak berbeza daripada urusan biasanya, ia merupakan satu catatan dalam sejarah perhimpunan itu - memberi kuasa kepada 4,500 pengerusi cawangan hak untuk memilih presiden.

-- BERNAMA

SR ZS LAT